

Kelab Junior bakal ditubuh



ENCIK HUSSEIN: Sedia mengajar murid bukan Melayu.

Oleh **RIDHWAN ANUAR**
Penulis sambilan

- 9 MAR 1989

LEBIH banyak kegiatan untuk menampung keperluan golongan belia dan remaja dari semua kaum akan disediakan oleh semua Jawatan Kuasa Penduduk (RC) kawasan di Bukit Batok.

Sebuah Kelab Junior dijangka akan ditubuhkan untuk menjadi nadi bagi kegiatan belia dan remaja di kawasan itu.

Ini telah disebutkan oleh Anggota Parlimen Bukit Batok, Dr Ong Chit Chung, yang ditemui di majlis tamat kursus silat anjuran RC Zon 8, Bukit Batok. *Melayu. 1989*

Kumpulan silat yang ditubuhkan dengan 32 peserta pada September tahun lalu itu, kini sudah mempunyai 50 orang anggota.

Upacara tamat kursus itu telah diisi dengan persembahan silat oleh pendekar-pendekar muda dan mereka yang sudah lama bergiat dalam Pasak.

Mereka telah mempersembahkan beberapa acara yang menarik termasuk silat dalam bentuk latihan jasmani dan pertarungan tanpa menggunakan senjata.

Kira-kira 300 penduduk ka-



PENONTON TERHIBUR: Muda-mudi tunjukkan kebolehan dalam seni silat.

Silat tarik ramai ke RC

wasan tersebut telah dihiburkan dengan acara-acara persembahan mereka.

Setiap persembahan telah diikuti dengan tepukan gemuruh.

RC tersebut merupakan badan akar umbi yang kedua selepas RC Clementi yang menganjurkan kelas silat gayung di bawah naungan Pasak.

Encik Kamsan Rasman, 33 tahun, anggota RC yang bertanggungjawab mengenalkan silat di RC Bukit Batok itu, memberitahu bahawa sejak berita kelas tersebut disiarkan dalam ruangan ini pada 10 November lalu, sambutan yang diterima daripada orang ramai sungguh menggalakkan.

"Selain daripada berita di akhbar, khabar dari mulut ke mulut juga telah memberi publisiti tentang kegiatan ini.

"Sekarang kami terpaksa berhenti mengambil murid baru kerana kekurangan tenaga pelatih," kata beliau.

Kelas yang dijalankan sekarang dipimpin oleh Encik Sukiantor Tokiman, 28 tahun.

"Kami juga ada menerima

permintaan dari belia bukan Melayu yang ingin menyertai kursus silat ini, tetapi buat masa ini kami tidak dapat memenuhi permintaan mereka," katanya.

Sementara itu, Mahaguru Bersilat Pasak, Encik Hussein Kaslan, 66 tahun, mengatakan bahawa pihaknya bersedia menganjurkan kelas untuk murid bukan Melayu pada masa depan.

"Bagaimanapun, kelas itu terpaksa kami asingkan daripada kelas biasa kerana ada beberapa ciri yang tidak boleh diajarkan kepada mereka seperti upacara membuka dan menutup gelanggang yang melibatkan pembacaan ayat-ayat Quran.

- 9 MAR 1989

"Kalau anak-anak Melayu boleh belajar taek-wan-do atau karate, kenapa tidak anak-anak bukan Melayu belajar silat?"

"Kami bersedia mengajar mereka yang berminat hingga mendapat tali pinggang hitam. Bagaimanapun, ia bergantung kepada permintaan. Untuk mereka kami sediakan silat yang dinamakan olah raga," jelasnya lagi.